

Prakata



Dr Mohamad Maliki Bin Osman

Menteri di Pejabat Perdana Menteri,
dan Menteri Kedua Pendidikan
dan Hal Ehwal Luar, dan Pengerusi,
Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan Bahasa
Melayu (MLLPC)

Jauh perjalanan, luas pemandangan. Buku merupakan jendela dunia. Kanak-kanak yang banyak membaca mampu membuka jendela itu agar dapat mengamati dunia dengan lensa yang luas. Ibu bapa, guru-guru dan masyarakat memainkan peranan penting dalam usaha menerapkan amalan dan budaya membaca serta membina kemahiran literasi awal kanak-kanak dari peringkat prasekolah.

Idea menghasilkan Siri Nabil dan Nabilah untuk murid sekolah rendah mula tercetus pada tahun 2015 oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Kini, siri bacaan ini dibawa pula ke peringkat prasekolah. Siri Nabil dan Nabilah peringkat prasekolah ini menyajikan bahan bacaan menarik yang mencakupi pelbagai tema seperti pengorbanan, persahabatan dan hubungan kekeluargaan. Teranyam dalam cerita-cerita ini ialah aspek budaya, nilai dan imaginasi.

Saya akur akan peranan teknologi dalam kehidupan kita kini dan pengaruhnya terhadap kanak-kanak. Teknologi telah membuka ruang dan peluang untuk menyemarakkan lagi pembelajaran kanak-kanak. MLLPC telah berusaha untuk menerbitkan siri bacaan ini dalam bentuk cetakan serta bentuk digital yang boleh didapatkan di laman web rasmi MLLPC. Bahan bacaan digital tersebut boleh dimuat turun ataupun diakses pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, MLLPC juga menyediakan aktiviti-aktiviti susulan yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak bersama ibu bapa mereka. Aktiviti bersama keluarga ini dapat memupuk sikap positif dan berpotensi untuk menanamkan nilai yang baik.

Siri Nabil dan Nabilah yang terbaharu ini tidak akan dapat dihasilkan tanpa usaha dan sumbangan guru-guru prasekolah. Mereka dengan hati terbuka menyahut cabaran untuk melibatkan diri dalam proses penulisan siri bacaan ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada para guru yang terlibat. Dengan terhasilnya karya kanak-kanak ini, saya pasti hasil penulisan kreatif untuk kanak-kanak dengan berlatarkan konteks tempatan akan dapat diperkaya. Semoga guru-guru prasekolah terus maju dalam meningkatkan usaha untuk melestarikan bahasa Melayu.

*Mekar sejangkak bunga kejora,
Gugur sekuntum di tepi paya;
Marilah sahut seruan negara,
Bangsa membaca bangsa berjaya.*

Pada hari ini, Nabil dan Nabilah ke River Safari. Mereka dan kawan-kawan ke sana dengan Cikgu Hana.

Kulit buaya kasar!

Gigi buaya tajam!

Mereka sangat suka melihat buaya.





Siapakah mahu
mendengar cerita
tentang Sang
Kancil dengan
Buaya?

Kami!

Cikgu Hana mencari satu sudut dan duduk
bersama-sama murid-muridnya.

Cikgu Hana mula
bercerita kepada
murid-murid.

Pada suatu hari...





Sang Kancil berasa lapar. Ia mencari buah-buahan di dalam hutan. Malangnya, tiada buah-buahan di atas pokok.

Tiba-tiba, Sang Kancil terlihat ada buah-buahan yang ranum di seberang sungai.

Sang Kancil bertemu dengan Sang Buaya.
Raja menyuruh Sang Kancil mengira semua
buaya dalam sungai.



Raja akan memberikan hadiah
kepada mereka.

Sang Buaya amat gembira apabila mendengar berita itu. Tanpa berlengah, dia mendapatkan kawan-kawannya untuk beratur.





Sang Kancil pun melompat ke atas badan buaya sehingga dia sampai di seberang hutan.

Sebaik sahaja tiba di seberang
hutan, Sang Kancil ketawa.



Sang Kancil berlari ke dalam hutan.

Sang Kancil makan buahan-buahan yang lezat.



Adakah Sang Kancil
haiwan yang bijak?



